

04/08/1997

Perjanjian projek Bakun dirunding semula

BEBERAPA fasal tertentu dalam perjanjian projek empangan hidroelektrik Bakun perlu dirunding semula dan bagi Asea Brown Boveri Ltd (ABB) adalah untuk menyetujuinya atau ia mungkin menghadapi risiko kemungkinan pihak lain mengambil alih pembinaan projek itu, satu sumber industri.

Sumber itu menghujah bahawa pertikaian utama Ekran Bhd, pengurus projek itu, dan ABB, kontraktor utama, berkisar sekitar tuntutan untuk lebih kos dan tidak ada perkara lain.

Buat masa ini kerja projek itu masih berjalan, termasuk penyimpangan sungai.

Sungguhpun masalah itu sudah lama dibincangkan oleh Ekran dan ABB sepanjang enam bulan lalu, sumber itu berkata ada saranan bahawa ABB tidak puas hati dengan fasal sedia ada dan mahu berunding semula.

Seorang jurucakap ABB, mempertahankan pendirian syarikat itu bahawa, sebagai kontraktor utama, ia tidak akan membuat sebarang ulasan secara terbuka manakala perbincangan sedang berjalan.

"Kami anggap perbincangan dengan pelanggan kami adalah rahsia," katanya, sambil menambah beliau berharap masalah itu akan diselesaikan pada mesyuarat mereka akan datang.

Pengerusi Eksekutif Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing, dilaporkan sebagai berkata pada mesyuarat 24 Julai lalu bahawa satu lagi mesyuarat di antara kedua-dua pihak akan diadakan dalam masa dua minggu.

Ekran memegang 32 peratus kepentingan dalam pemaju projek itu Bakun Hydro-Electric Corporation Sdn Bhd (BHEC) manakala konsortium ABB-CBPO adalah kontraktor kejuruteraan, perolehan dan pembinaan (EPC) bagi empangan Bakun.

Konsortium ABB-CBPO mengandungi ABB Belaga Transmission Sdn Bhd, ABB Power Generation Sdn Bhd dan CBPO (Malaysia) Sdn Bhd. ABB BT dan ABB PG adalah anak-anak syarikat Asea Brown Boveri Ltd manakala CBPO adalah anak syarikat Companhia Brasileira de Projectos e Obras (CBPO).

Bakun, yang amat penting bagi negara, akan terjejas teruk oleh sebarang penangguhan, terutamanya daripada segi kos, tetapi satu lagi sumber berkata kedua-dua pihak akan mengambil sedikit masa sebelum mencapai persefahaman.

Isu mengenai "kesilapan" dalam memberikan persetujuan dan juga prospek terpaksa menukar kontraktor, katanya, adalah tidak baik kepada kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dilaporkan sebagai berkata bahawa terdapat kemungkinan bahawa kerajaan mungkin campur tangan jika kedua-dua pihak tidak dapat mencapai persetujuan.

Lebih buruk, ada kemungkinan membatalkan kontrak dan mengambil kontraktor baru sekiranya timbul pertikaian.

Berasaskan kepada perjanjian yang sedia ada, sebarang lebih kos ditanggung oleh BHEC dan bukan ABB, kata Ting.

Beliau memberitahu pemberita semalam bahawa beberapa fasal dalam kontrak yang cenderung memihak kepada satu pihak kerana ABB boleh menuntut kos lebih yang melebihi nilai kontrak itu.

Ditanya mengenai tahap lebih kos itu, sumber itu mendakwa bahawa ia mestilah mencukupi untuk diadakan kajian semula. - Bernama

(END)